

Akhbar bantu pacu bidang akademik, TVET

Berita Harian
Khamis, 15 Jun 2017

Sungguh teruja dan berbangga membaca tajuk berita, 'BH iktniraf sekolah cemerlang di akbar ini pada 31 Mei lalu. Anugerah yang julung kalinya diperkenalkan dalam Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang (APCBH) 2016 kepada sekolah yang komited memacu kegemilangan sekolah masing-

masing.

Selain itu, BH turut perkenal anugerah Rakan Sekolah Cemerlang Sukan, Rakan Sekolah Cemerlang Akademik, Rakan Sekolah Cemerlang Kokurikulum dan Pendidik Kreatif. Usaha BH mengangkat bidang akademik ke peringkat berprestij seperti Anugerah Bintang Popular BH sangat terpuji dan disanjung tinggi.

Menjadikan akibar sebagai alat bahan bantu mengajar dan Pembudayaan (PdPc) terbukti membantu meningkatkan ketahtaman pelajar. Pengalaman ketika bertugas di sekolah menengah sebagai guru Bahasa Melayu dan menggunakan sisipan BH dalam kelas telah membolehkan pelajar yang lemah menguasai subjek itu.

Pelajar boleh mengaplikasi, membanding, menganalisis dan mensintesiskan ilmu yang diajarkan dengan artikel, gambar, panduan, soalan latihan dan contoh jawapan yang disediakan menerusi sisipan seperti Didik, Mindu dan Skor. Menurut pemenang da-

lam kalangan guru dan pelajar sisipan dan Seminar SPM BH Skor melatih pelajar menjawab soalan kemahiran aras tinggi (KBAT). Sehubungan itu, BH berpotensi memacu dan memperkasakan bidang akademik dan Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET) di negara ini.

Sama ada pelajar ataupun guru mereka meski boleh menggunakan minda dan fizikal secara serentak semasa menggunaikan sisipan BH dalam PdPc. Contohnya, dalam penghasian petak minda berkaitan sesuatu topik, pelajar perlu menganalisis dan menceraikin isi-isi yang berkaitan daripada sisipan yang digunakan. Kemudian, pelajar perlu menggunakan kemahiran psikomotor seperti menggunting dan menampal untuk menghias silkan petak minda yang menarik dibaca.

Syar perkenal Rakan Institusi Pengajian Tinggi

Selain sisipan Didik, Minda dan Skor yang sememangnya signifikan dibawa masuk ke dalam kelas di sekolah-sekolah, ruangan lain boleh di bawa masuk ke bilik kuliah oleh pensyarah bidang TVET di sekolah dan institusi pengajian tinggi. Justeru, disaran agar BH juga memperkenalkan Anugerah Rakan Institusi Pengajian Tinggi cemerlang dalam kalangan pensyarah dan pelajar.

Bagi pensyarah yang mengajar bidang hospitaliti, fesyen dan parasitologi, katering/kulinari dan kecantikan boleh menggunakan ruangan Aura sebagai bahan rujukan utama mahupun sebagai ABM dalam proses PdPc.

BH juga menyediakan ruangan Keusahawanan dan Bisnes. Ruangan itu sangat relevan digunakan oleh pensyarah dan pelajar program dan kursus perakaunan, pelancongan, ekonomi, perniagaan, dan pelaburan.

Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa BH dapat membantu memacu lonjakan bidang TVET di negara ini.

Dalam konteks kemanusiaan, pelajar bidang TVET juga perlu mempelajari kursus seperti Kewarganegaraan, Tamadun Islam dan Tamadun Asia. Oleh itu ruang seperti Dunia, Agama dan Isu Cabarannya, pelajar hari ini kurang berminal membaca termasuklah akbar, maka peranan pensyarahlah untuk mencuba pendekatan menggunakan akbar di dalam bilik kuliah. Kalau tidak dipecahkan ruyung manakala dapat sagunya.



Prof Dr Ahmad Esa,
Dekan Fakulti Pendidikan
Teknikal dan Vokasional,
Universiti Tun Hussein Onn
Malaysia



Guru yang menggunakan akibar dalam PdPc membantu meningkatkan kejrahman pelajar.